

SOALAN NO. 48**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN IGNATIUS DORELL
LEIKING [PENAMPANG]**

TARIKH : 8 OGOS 2017

SOALAN :

YB Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah status dengan 'Devolution' / 'Penurunan' kuasa yang dijanjikan kepada Sabah dan Sarawak dan jika Perdana Menteri setuju bahawa satunya penyelesaian masalah Pendatang Asing Tanpa Izin yang telah menjadi warga Sabah melalui Projek IC adalah melalui penurunan (devolution/decentralization) kuasa kepada Kerajaan Sabah untuk menarik balik MyKad yang ada di Sabah dan melaksanakan pendaftaran balik dengan mengeluarkan Kad Pengenalan Khas untuk rakyat Sabah.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Perjanjian Malaysia yang telah ditandatangani antara pihak British, Persekutuan Tanah Melayu, Sabah, Sarawak dan Singapura pada 9 Julai 1963 secara jelas menetapkan obligasi pihak-pihak untuk mengambil tindakan perundangan, eksekutif dan tindakan lain bagi mengadakan peruntukan untuk menjamin dan melindungi kepentingan rakyat Sabah dan Sarawak. Sehubungan dengan itu, pelaksanaan Perjanjian Malaysia telah dibuat melalui peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan dan juga undang-undang lain yang berkaitan.

Jawatankuasa Bersama Mengkaji *Empowerment* Secara Pentadbiran Kepada Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak (JBMES) juga telah ditubuhkan oleh Kerajaan bagi mengkaji perkara yang boleh dan akan diberi *empowerment* secara pentadbiran kepada Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak secara berperingkat. Cadangan-cadangan JBMES yang dipersetujui antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri Sabah dan Kerajaan Negeri Sarawak akan dilaksanakan secara berperingkat.

Selain pelaksanaan penurunan kuasa kepada Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak tersebut, pada 11 Mei 2016 Jemaah Menteri telah bersetuju supaya pelaksanaan *devolution of authority* kepada Kerajaan Negeri Sabah dan Kerajaan Negeri Sarawak dilaksanakan berpandukan hak-hak serta kuasa autonomi yang diperuntukkan di bawah Perlembagaan Persekutuan.

Dalam hal ini, Jemaah Menteri bersetuju supaya Yang Berhormat Dato' Sri Anifah bin Aman, Menteri Luar Negeri dan Yang Berhormat Dato' Sri Hajah Nancy binti Haji Shukri, Menteri di Jabatan Perdana Menteri bersama-sama dengan Jabatan Peguam Negara, meneliti semua hak serta kuasa autonomi yang diperuntukkan di bawah Perlembagaan Persekutuan kepada Sabah dan Sarawak termasuklah dari segi peraturan-peraturan sedia ada dalam pelaksanaan *devolution of authority* kepada Sabah dan Sarawak.

Susulan keputusan Jemaah Menteri itu, Jawatankuasa Pemandu dan Jawatankuasa Teknikal telah dibentuk yang dianggotai oleh wakil Kerajaan Negeri Sabah dan Kerajaan Negeri Sarawak dan wakil daripada Kerajaan Persekutuan. Mesyuarat di peringkat Jawatankuasa Teknikal telahpun diadakan manakala Mesyuarat Peringkat Jawatankuasa Pemandu akan diadakan dalam masa terdekat.

Proses pelaksanaan *devolution of authority* ini merupakan suatu proses yang berterusan dan rundingan dengan pihak-pihak yang berkenaan masih dijalankan. Kedua-dua proses penurunan kuasa dan *devolution of authority* yang sedang dilaksanakan ini membuktikan keseriusan dan komitmen Kerajaan Persekutuan dalam mencari langkah penyelesaian yang terbaik bagi isu yang telah dibangkitkan oleh Kerajaan Negeri Sabah dan Kerajaan Negeri Sarawak.

Sekian, terima kasih.